



# KULIM (MALAYSIA) BERHAD

## POLISI ETIKA

Sejak ditubuhkan, KULIM telah menjalankan bisnis dengan tahap etika, integriti dan tadbir urus tertinggi dan akan terus mengekalkannya. Setiap aktiviti-aktiviti kami akan berpandukan kepada piawaian berikut:

- ❖ Kami akan menyimpan semua rekod dengan lengkap dan tepat bagi membuktikan aktiviti-aktiviti kami. Kesemua asset dan hakmilik Syarikat akan hanya digunakan untuk kebaikan Syarikat. Tidak akan ada aktiviti-aktiviti pekerja yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat.
- ❖ Kami akan berurusan dengan para pelanggan dan para pembekal berdasarkan merit, adil dan telus. Kami akan berusaha gigih bagi memperolehi bisnis dari para pelanggan kami dan menuntut yang sama dari para pembekal kami.
- ❖ Kami akan bersaing dengan para pesaing mengikut etika pasaran dan undang-undang dan tidak akan berkomplot dengan mereka untuk mempengaruhi pasaran.
- ❖ Kami akan melayan semua pekerja dengan penuh tatasusila dan adil. Kami akan memastikan persekitaran kerja yang bebas dari gangguan atau diskriminasi. Kami akan membuka peluang-peluang kerjaya berdasarkan hanya kepada prestasi.
- ❖ Kami akan memastikan semua pekerja memahami dan mematuhi Polisi Etika kami. Setiap anggota pekerja bertanggungjawab mematuhi isi kandungan dan maksud yang tersirat disebalik polisi-polisi ini, dan melaporkan melalui '**Borang Perakuan Peradaban Perkhidmatan**' sebarang ketidakpatuhan yang disyaki dilakukan oleh anggota pekerja lain kepada ketua jabatan atau pihak atasan.
- ❖ Kami akan menjadi warga korporat yang bertanggungjawab, menyumbang secara positif kepada komuniti di mana kami beroperasi.

Diluluskan Oleh:



ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018